Pendakwa Raya lwn Teyo Yen Leong dan rayuan-rayuan lain

A

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-06–11 TAHUN 2013, 45A-07–11 TAHUN 2013 DAN 45–06–03 TAHUN 2014
MUHAMMAD JAMIL PK
7 NOVEMBER 2016

B

Prosedur Jenayah — Perbicaraan — Kes prima facie — Tertuduh dituduh dengan dua tuduhan mengedar dadah, satu tuduhan memiliki dadah dan satu tuduhan memiliki amunasi peluru — Sama ada elemen-elemen bagi setiap pertuduhan dibuktikan — Sama ada dadah tersebut adalah dadah berbahaya — Sama ada peluru tersebut adalah amunasi — Sama ada tertuduh mengedar dadah berbahaya tersebut — Sama ada tertuduh memiliki dadah berbahaya tersebut — Sama ada tertuduh memiliki peluru tersebut — Sama ada siasatan menyeluruh telah dijalankan — Sama ada kes prima facie telah dibuktikan — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 12(2), (3), 39B(1)(a) & (2) — Akta Senjata 1960 s 8(a)

C

D

E

Tertuduh telah dituduh dengan empat pertuduhan iaitu pertuduhan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine ('pertuduhan pertama') dan heroin ('pertuduhan kedua') di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB; pertuduhan memiliki dadah jenis nimetazepam ('pertuduhan ketiga') di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 12(3) ADB; dan pertuduhan memiliki 185 amunasi peluru hidup ('pertuduhan keempat') di bawah s 8(a) Akta Senjata 1960 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama. Pendakwaan telah mengemukakan keterangan bahawa ASP Ikhwan Hilmi bin Ismail ('SP15') dan pasukannya telah membuat serbuan di sebuah rumah yang terletak di Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, Batu Pahat dan tertuduh telah ditemui di dalam bilik pertama rumah tersebut. SP15 kemudian telah membuka pintu bilik ketiga dengan menggunakan kunci yang diambil daripada beg sandang milik tertuduh dan menemui bungkusan berisi dadah. Ahli kimia ('SP8') telah mengesahkan bahawa dadah tersebut adalah 22,086.3g methamphetamine, 4,263.6g heroin dan 87g nimetazepam, iaitu dadah yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB. SP15 seterusnya telah membuat pemeriksaan lanjut di bahagian dapur dan menemui 185 amunasi peluru seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan keempat. Sub Insp Abdul Salam ('SP6') yang menjalankan ujian 'serviceability' ke atas amunasi tersebut telah mengesahkan bahawa semua peluru tersebut cukup sifat bagi sebutir peluru dan boleh digunakan.

F

G

H

I

Diputuskan, melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada semua

pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri:

(1) Bagi elemen pertama untuk pertuduhan pertama, kedua dan ketiga, adalah tidak dipertikaikan bahawa dadah tersebut adalah dadah berbahaya seperti yang telah disahkan oleh SP8. Bagi elemen pertama untuk pertuduhan keempat pula, adalah tidak dipertikaikan bahawa 185 butir peluru tersebut adalah amunasi seperti takrif amunasi dalam s 2 Akta berdasarkan keterangan SP6. Oleh itu, pendakwaan telah membuktikan elemen pertama bagi semua pertuduhan (lihat perenggan 9–11).

(2) Elemen kedua bagi pertuduhan pertama dan kedua yang perlu dibuktikan adalah tertuduh mengedar dadah berbahaya tersebut. Bagi pertuduhan ketiga pula, elemen kedua yang perlu dibuktikan adalah tertuduh memiliki dadah berbahaya tersebut. Manakala elemen kedua bagi pertuduhan keempat yang perlu dibuktikan adalah tertuduh memiliki peluru tersebut. Berdasarkan keterangan, pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen kedua bagi semua pertuduhan. Ini berdasarkan penemuan lima profil DNA ke atas barang kes yang di ambil dari bilik pertama dan kedua; penemuan tiga kesan cap jari di ruang tamu, bilik pertama, bilik kedua, bilik ketiga dan dapur; dan penemuan kereta jenis Audi di perkarangan rumah tersebut. Penemuan-penemuan tersebut menunjukkan terdapat individu-individu lain ('individu-individu tersebut') yang mempunyai akses ke atas rumah tersebut. Oleh itu, tidak boleh dikatakan hanya tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan eksklusif ke atas rumah tersebut serta kawalan atau jagaan ke atas dadah tersebut dan 185 butir peluru yang ditemui. Selain itu, kemungkinan bahawa anak kunci bilik ketiga berada dengan individu-individu tersebut juga tidak boleh diketepikan (lihat perenggan 12 & 16–18).

(3) Pegawai penyiasat ('SP16') gagal membuat siasatan menyeluruh di dalam kes ini. Kegagalan SP16 untuk membuat siasatan terhadap penama Lu Ah Keong yang terdapat di dalam bil air dan kurier yang dijumpai di rumah tersebut serta kegagalan SP16 untuk membuat siasatan terhadap pemilik kereta jenis Audi yang dijumpai di perkarangan rumah tersebut telah mewujudkan lompang di dalam kes pendakwaan. Selain itu, SP10 iaitu pegawai forensik juga tidak mengambil sarung bantal, bantal dan cadar yang terdapat di dalam bilik ketiga untuk dibuat analisis DNA (lihat perenggan 19).

(4) Tidak terdapat keterangan untuk mahkamah membuat dapatan bahawa tertuduh telah melakukan aktiviti pengedaran dadah di bawah s 2 ADB atau tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan ke atas dadah dan 185 peluru tersebut. Di atas penilaian maksimum ke atas keterangan pendakwaan, mahkamah mendapati pendakwaan telah gagal untuk

membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi semua pertuduhan (lihat perenggan 20–21).

[English summary

The appellant was charged with four charges, namely for trafficking in the dangerous drugs methamphetamine ('the first charge') and heroin ('the second charge') under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') punishable under s 39B(2) of the DDA; the charge for having in his possession the drugs nimetazepam ('the third charge') under s 12(2) of the DDA punishable under s 12(3) of the DDA; and the charge for having in his possession, 18 ammunition gun pellts ('the fourth charge') under s 8(a) of the Firearms Act 1960 ('the Act'), punishable under the same section. The prosecution brought fourth the evidence of ASP Ikhwan Hilmi bin Ismail ('SP15') and his team who had ambushed a house at Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, Batu Pahat and the accused was found at the first room of the house. SP15 then opened the door to the third room using the key taken from the accused's sling bag and found a package containing drugs. The chemist ('SP8') confirmed that the drugs were 22,086.3g of methamphetamine, 4,263.6g of heroin and 87g of nimetazepam, which were drugs listed under the First Schedule of the DDA. SP15 then carried out further inspection at the kitchen and found 185 ammo pellets as stated in the fourth charge. Sub Insp Abdul Salam ('SP6') who carried out the 'serviceability test' on the ammo pellets and confirmed that the pellets were perfect in nature and could be used.

Held, acquitting and discharging the accused from charges without calling accused to enter defence:

(1) For the first element of the first, second and third charged, it was not disputed that the drugs were dangerous drugs as confirmed by SP8. For the first element of the fourth charge, it was not disputed that the 185 ammo pellets were ammo within the definition of s 2 of the Act based on the evidence of SP5. Therefore, the prosecution had proved the first element for all charges (see paras 9–11).

(2) For the second element of the first and second charges, what needed to be proved was that the accused had trafficked the dangerous drugs. For the third charge, the second element that must be proved was that the accused had the drugs in his possession. The second element that must be proved for the fourth charge was that the accused was in possession of the bullets. Based on evidence, the prosecution failed to establish the second element for all the charges. Based on the discovery of five DNA profiles on the incriminating items taken from the first and second rooms; the discovery of three fingerprints at the living area, the first, second and third rooms and the kitchen and the discovery of an Audi at the compound of the house. These discoveries showed that there were other individuals ('the said individuals') who had access to the said house.

Therefore, it could not be said that it was only the accused who had access or exclusive custody of the house and control and custody of the drugs and the 185 bullets found. Aside from that, the possibility that the key of the third room was with the individual could not be denied (see paras 12 & 16–18).

(3) The investigating officer ('SP16') failed to carry out a thorough investigation of the case. SP16's failure to carry out an investigation on Lu Ah Keong whose name was stated in the water bill and courier found at the house and SP16's failure to investigate the owner of the Audi found at the housing compound created a loophole to the prosecution's case. Aside from that, SP10, the forensic officer, did not take the pillowcase, pillow and bedsheet found in the third room for DNA analysis (see para 19).

(4) There was no evidence for the court to rely upon to conclude that the accused had carried out the acitivy of trafficking in drugs under s 2 of the DDA or that the accused had control or custody over the drugs and the bullets. Based on maximum evaluation of the prosecution's evidence, the court found that the prosecution failed to establish a prima facie case against the appellant for all the charges (see paras 20–21).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kes prima facie, lihat 5(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 5907–5925.

Kes-kes yang dirujuk

Azizan bin Yahaya v Public Prosecutor [2013] 1 MLJ 180; [2012] 8 CLJ 405, MR (dirujuk)

Ibrahim bin Mohamad dan satu lagi lwn Pendakwa Raya [2011] 6 MLJ 387; [2011] 4 CLJ 113, MR (dirujuk)

Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya ss 2, 37(da), 37A(1)(b) (kini 37B(1)(b)), Jadual Pertama

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 18(2)(a)(i), (3)

Akta Senjata 1960 s 2

Kanun Tatacara Jenayah s 180(1), (4)

Rasyidah Murni bt Adzmi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwa raya.

Wan Azwan Aiman bin Wan Fakhruddin (Scivetti & Assoc) bagi pihak tertuduh.

Muhammad Jamil PK:

[1] Dalam Perbicaraan Jenayah No 45A-06–11 Tahun 2013, 45A-07–11 Tahun 2013 dan 45–06–03 Tahun 2014 tertuduh, Teyo Yen Leong menghadapi empat pertuduhan iaitu:

Pertuduhan pertama

Bahawa kamu pada 16.7.2013, jam lebih kurang 5.45 pagi di rumah beralamat No 3, Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, di dalam daerah Batu Pahat, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu 22,086.3 gram Methamphetamine, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Pertuduhan kedua

Bahawa kamu pada 16.7.2013, jam lebih kurang 5.45 pagi di rumah beralamat No 3, Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, di dalam daerah Batu Pahat, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu 4,263.60 gram Heroin, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Pertuduhan ketiga (pindaan)

Bahawa kamu pada 16.7.2013, jam lebih kurang 5.45 pagi di rumah beralamat No 3, Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, di dalam daerah Batu Pahat, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah memiliki dadah berbahaya iaitu 87.0 gram Nimetazepam, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum dibawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

Pertuduhan keempat

Bahawa kamu pada 16.7.2013, jam lebih kurang 5.45 pagi di rumah beralamat No 3, Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, di dalam daerah Batu Pahat, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah memiliki 185 butir amunisi peluru hidup jenis PMC 45 Auto tanpa suatu lesen senjata atau permit senjata yang dibenarkan, oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah seksyen 8(a) Akta Senjata 1960 dan boleh dihukum dibawah seksyen yang sama.

[2] Semua pertuduhan-pertuduhan tersebut telah dibacakan kepada tertuduh. Tertuduh minta dibicarakan. Pendakwaan telah memanggil seramai 16 orang saksi untuk membuktikan kes mereka.

[3] Hakim terdahulu telah mendengar dan merekodkan keseluruhan keterangan 16 orang saksi pendakwaan. Pendakwaan menutup kes mereka. Hakim terdahulu telah menetapkan suatu tarikh untuk keputusan dan pihak-pihak memfailkan hujahan bertulis. Pihak-pihak telah memfailkan

hujahan bertulis. Walau bagaimanapun sebelum keputusan diberikan, hakim terdahulu telah meninggalkan perkhidmatannya. Saya meneruskan prosiding perbicaraan jenayah ini dari peringkat yang hakim terdahulu itu berhenti. Saya bertindak menurut peruntukan s 18(2)(a)(i) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta') iaitu atas keterangan yang telah pun direkodkan oleh hakim terdahulu. Menurut s 18(3) Akta, saya telah memanggil semula lima orang saksi pendakwaan yang telah memberi keterangan dihadapan hakim terdahulu iaitu SP8, SP13, SP14, SP15 dan SP16 untuk mengambil keterangan mereka semula. Saya juga telah membenarkan permohonan peguambela tertuduh untuk memanggil semula SP3. Peguambela tertuduh telah memanggil semula SP3 dan telah memeriksa balas lanjut saksi ini dan juga telah diperiksa semula lanjut oleh timbalan pendakwa raya ('TPR').

[4] Keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) susulan dari taklimat yang diberikan oleh ASP Chia Aik Chin ('SP13') mengenai aktiviti pengedaran dadah di rumah No 3, Jalan Rampai, Taman Tanah Merah, Batu Pahat ('rumah tersebut'), ASP Ikhwan Hilmi bin Ismail ('SP15') bersama pasukannya telah pergi ke rumah tersebut untuk membuat serbuan;

(b) sampai dihadapan rumah tersebut SP15 membuat pemerhatian selama lebih kurang 15 minit. Sebuah motokar Toyota Camry nombor pendaftaran JJF 5878 berada di hadapan pintu pagar rumah tersebut yang bertutup rapat. Pintu pagar tersebut adalah pintu pagar automatik;

(c) selepas menarik pintu pagar tersebut hingga terbuka, SP15 bersama pasukannya masuk ke dalam perkarangan rumah tersebut. Pintu kayu hadapan rumah tersebut tidak bertutup rapat dan tidak berkunci. SP15 membuka pintu kayu tersebut dan masuk ke dalam rumah tersebut;

(d) di ruang tamu tidak ada sesiapa manakala bilik pertama pintu dalam keadaan berkunci. Setelah menendang pintu bilik tersebut hingga terbuka SP15 dapati di atas katil ada seorang sedang berselimut menyelubungi seluruh badan dan kepala. SP15 membuka selimut tersebut dapati seorang itu adalah lelaki Cina ('tertuduh'). Setelah tertuduh digari, SP15 kenalkan diri sebagai polis dan membaca kata-kata amaran dibawah s 37A(1)(b) Akta Dadah Berbahaya ('ADB'). Tertuduh dalam keadaan ketakutan;

(e) selepas ditanya, tertuduh memberitahu SP15 beliau seorang yang tinggal di rumah tersebut. Apabila SP15 bertanyakan anak kunci pintu bilik ketiga yang dalam keadaan berkunci, tertuduh telah menunjukkan beg sandang yang berada di atas katil. Di dalam beg sandang tersebut, SP15 telah menjumpai anak kunci;

(f) SP15 telah membuka pintu bilik ketiga dengan anak kunci tersebut.

Tidak ada sesiapa di dalamnya tetapi SP15 melihat bungkusan disyaki berisi dadah. Pemeriksaan di ruang tamu SP15 telah menjumpai beberapa guni dan tong manakala di bahagian dapur bawah sinki SP15 telah menjumpai 185 butir peluru di dalam kotak yang diletakkan dalam beg. Di dalam bilik kedua SP15 tidak menjumpai apa-apa barang salah, begitu juga di dalam bilik pertama. Pemeriksaan di dalam bilik ketiga SP15 telah menjumpai beberapa bungkusan disyaki berisi pelbagai jenis dadah;

(g) di dalam rumah tersebut hanya tertuduh seorang yang berada, tidak ada orang lain;

(h) Pasukan Forensik Ibu Pejabat Kontinjen Polis Johor ('IPK Johor') yang diketuai oleh ASP Ghazali bin Mohamad ('SP10') yang menjalankan siasatan di dalam rumah tersebut telah mengambil 18 barang kes di dalam bilik pertama dan bilik kedua untuk tujuan DNA dan membuat tiga penimbulan kesan cap jari di ruang tamu, bilik pertama, bahagian dapur serta bilik kedua dan menyerahkannya kepada pegawai penyiasat ASP Murziana bt Hj Angu ('SP16');

(i) SP15 telah merampas semua barang-barang kes dan membuat tandaan. Barang kes disyaki dadah telah diserahkan kepada SP16 di rumah tersebut manakala tertuduh dan 185 butir peluru beliau membawanya ke Ibu Pejabat Polis Daerah Batu Pahat. Beliau telah menyerahkan 185 butir peluru tersebut kepada Inspektor Kumarendran a/l Subramaniam ('SP14');

(j) SP16 telah menyerahkan 18 barang kes yang diterima daripada SP10 kepada pegawai sains, Aedrianee Reeza bt Alwi ('SP11') untuk analisis DNA dan barang kes disyaki dadah diserahkan kepada ahli kimia, Siti Zubaidah bt Hanapi ('SP8') untuk dianalisis. SP14 telah menyerahkan 185 butir peluru tersebut kepada Sub Inspektor Abdul Salam bin Jantan ('SP6'), Unit Persenjataan IPK Johor untuk dibuat ujian *serviceability*;

(k) SP6 yang membuat pemeriksaan fizikal ke atas 185 butir peluru tersebut mendapati ianya adalah peluru 0.45 inci Auto PMC, semua peluru tersebut mempunyai cukup sifat bagi sebutir peluru dan boleh digunakan. Ujian tembak tidak dapat dibuat kerana tidak ada pistol dan revolver milik Polis Diraja Malaysia yang sama bersepadan dengan saiz peluru tersebut;

(l) SP11 yang menjalankan analisis perbandingan ke atas 18 barang kes tersebut mendapati kewujudan sekurang-kurangnya lima profil DNA individu lain yang tidak diketahui identiti mereka;

(m) SP8 yang membuat pemeriksaan dan analisis ke atas barang kes disyaki dadah mengesahkan ianya adalah 22,086.3g methamphetamine, 4,263.6g heroin dan 87g nimetazepam. Methamphetamine, heroin dan

nimetazepam adalah dadah yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB; dan

(n) tertuduh adalah penyewa rumah tersebut.

[5] Saya telah meneliti semua keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan. Saya telah menimbang dengan teliti hujahan bertulis peguambela tertuduh dan TPR serta meneliti otoriti-otoriti yang dirujuk. Saya telah mendengar klarifikasi daripada peguambela tertuduh. Seperti yang diperuntukkan oleh s 180(1) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') dan memakai prinsip yang dinyatakan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, saya membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan dalam menentukan sama ada pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan yang dipertuduhkan sepertimana pertuduhan pertama, pertuduhan kedua, pertuduhan ketiga (pindaan) dan pertuduhan keempat. Seksyen 180(4) KTJ memperuntukkan bagi maksud seksyen ini, suatu kes prima facie adalah dibuat terhadap tertuduh dimana pendakwa telah mengemukakan keterangan kukuh yang membuktikan setiap satu faktor (elemen) kesalahan yang jika tidak dipatahkan atau diterangkan akan mewajarkan suatu sabitan.

[6] Elemen-elemen kesalahan bagi pertuduhan pertama dan pertuduhan kedua yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan adalah:

(a) dadah tersebut adalah dadah berbahaya; dan

(b) tertuduh mengedar dadah berbahaya tersebut.

[7] Elemen-elemen kesalahan bagi pertuduhan ketiga (pindaan) yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan adalah:

(a) dadah tersebut adalah dadah berbahaya; dan

(b) tertuduh memiliki dadah berbahaya tersebut.

[8] Elemen-elemen kesalahan bagi pertuduhan keempat yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan adalah:

(a) peluru tersebut adalah amunisi; dan

(b) tertuduh memiliki peluru tersebut.

[9] Bagi elemen pertama untuk pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga (pindaan) adalah tidak dipertikaikan bahawa dadah-dadah tersebut adalah dadah berbahaya. SP8 yang membuat pemeriksaan dan analisis ke atas barang kes disyaki dadah yang dirampas oleh

SP15 dari bilik ketiga rumah tersebut mengesahkan ianya adalah 22,083.6g methamphetamine, 4,263.6g heroin dan 87g nimetazepam. Methamphetamine, heroin dan nimetazepam adalah dadah berbahaya sepertimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB.

[10] Bagi elemen pertama untuk pertuduhan keempat, adalah tidak dipertikaikan bahawa 185 butir peluru tersebut adalah amunisi seperti takrif amunisi dalam s 2 Akta Senjata 1960. SP6 yang membuat pemeriksaan fizikal ke atas 185 peluru tersebut mendapati ianya adalah peluru 0.45 inci Auto PMC, mempunyai cukup sifat bagi sebutir peluru dan boleh digunakan. SP6 telah menjelaskan ujian tembak ke atas peluru tersebut tidak dapat dibuat kerana tidak ada pistol dan revolver milik Polis Diraja Malaysia yang sama bersepadan dengan saiz peluru tersebut. Walaupun ujian tembak tidak dibuat, pemeriksaan fizikal SP6 menunjukkan 185 peluru tersebut adalah termasuk dalam takrif amunisi seperti dalam s 2 Akta Senjata 1960 iaitu 'ammunition for any arm as hereinafter defined, ... whether capable of use with arms or not ...'.

[11] Pendakwaan telah membuktikan elemen pertama bagi pertuduhan pertama, pertuduhan kedua, pertuduhan ketiga (pindaan) dan pertuduhan keempat.

[12] Walaubagaimanapun pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen kedua bagi pertuduhan pertama, pertuduhan kedua, pertuduhan ketiga (pindaan) dan pertuduhan keempat.

[13] Sungguhpun tertuduh adalah penyewa rumah tersebut, tertuduh berada seorang diri di dalam rumah tersebut ketika SP15 membuat serbuan, tertuduh menunjukkan beg sandang yang mengandungi anak kunci bilik ketiga, dadah tersebut dijumpai di dalam bilik ketiga, 185 butir peluru tersebut dijumpai di bahagian dapur, tetapi persoalannya adakah hanya tertuduh seorang sahaja yang mempunyai akses dan seterusnya mempunyai kawalan atau jagaan eksklusif ke atas rumah tersebut dan bilik ketiga rumah tersebut.

[14] Pendakwaan perlu menunjukkan melalui keterangan bahawa kemungkinan orang lain mempunyai akses sebelum serbuan ke atas tempat dimana dadah dijumpai telah dikecualikan. Keperluan untuk mengecualikan kemungkinan orang lain mempunyai akses sebelum serbuan ke atas tempat dimana dadah dijumpai telah dinyatakan di dalam beberapa kes antaranya *Ibrahim bin Mohamad dan satu lagi lwn Pendakwa Raya* [2011] 6 MLJ 387; [2011] 4 CLJ 113; *Azizan bin Yahaya v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 180; [2012] 8 CLJ 405.

[15] Keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan menunjukkan orang lain mempunyai akses ke atas rumah tersebut. Selain dari profil DNA

tertuduh, terdapat sekurang-kurangnya lima profil DNA individu lain yang ditemui pada 18 barang kes yang diambil dari bilik pertama dan bilik kedua rumah tersebut, yang telah dianalisis oleh SP11. Kewujudan sekurang-kurangnya lima profil DNA individu lain ini menunjukkan individu tersebut juga mempunyai akses ke atas rumah tersebut. SP10 telah membuat tiga penimbulan kesan cap jari di ruang tamu, bilik pertama, bilik kedua dan bahagian dapur rumah tersebut. Keputusan pemeriksaan/perbandingan kesan cap jari tersebut seperti dalam P98 adalah tidak boleh dibuat perbandingan kerana tidak cukup sifat. Kewujudan tiga kesan cap jari di rumah tersebut menunjukkan indidvidu tersebut juga mempunyai akses ke atas rumah tersebut. Terdapat juga sebuah motokar Audi yang diletakkan di dalam perkarangan rumah tersebut. Menurut SP16 motokar Audi ini atas nama orang lain. Dengan lain-lain perkataan tertuduh bukanlah pemilik motokar Audi tersebut. Pemilik motokar Audi tersebut juga mempunyai akses ke atas rumah tersebut.

[16] Bukan tertuduh seorang sahaja yang mempunyai akses ke atas rumah tersebut. Individu-individu lain juga mempunyai akses ke atas rumah tersebut iaitu individu dimana sekurang-kurangnya lima profil DNA mereka ditemui pada 18 barang kes yang diambil dari bilik pertama dan bilik kedua rumah tersebut, individu dimana tiga kesan cap jari ditimbulkan di ruang tamu, bilik pertama, bilik kedua dan di bahagian dapur rumah tersebut dan pemilik motokar Audi.

[17] Walaupun SP15 menjumpai anak kunci bilik ketiga dari dalam beg sandang yang ditunjukkan oleh tertuduh, tetapi adakah anak kunci bilik ketiga tersebut hanya berada dengan tertuduh sahaja. Bagaimana dengan individu dimana sekurang-kurangnya lima profil DNA mereka ditemui pada 18 barang kes yang diambil dari bilik pertama dan bilik kedua rumah tersebut, individu dimana tiga kesan cap jari ditimbulkan di ruang tamu, bilik pertama, bilik kedua dan di bahagian dapur rumah tersebut dan pemilik motokar Audi. Adakah anak kunci bilik ketiga tersebut juga berada dengan mereka. Kemungkinan anak kunci bilik ketiga tersebut berada dengan mereka tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Tambahan lagi tidak ada keterangan yang menunjukkan anak kunci bilik ketiga tersebut hanya berada dengan tertuduh sahaja.

[18] Pendakwaan langsung tidak mengemukakan apa-apa keterangan untuk mengecualikan kemungkinan individu dimana sekurang-kurangnya lima profil DNA mereka ditemui pada 18 barang kes yang diambil dari bilik pertama dan bilik kedua rumah tersebut, individu dimana tiga kesan cap jari ditimbulkan di ruang tamu, bilik pertama, bilik kedua dan di bahagian dapur rumah tersebut dan pemilik motokar Audi mempunyai akses ke atas rumah tersebut dan bilik ketiga tersebut sebelum serbuan. Maka tidak boleh

dikatakan hanya tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan eksklusif ke atas rumah tersebut serta kawalan atau jagaan ke atas dadah methamphetamine, heroin dan nimetazepam yang berada dalam bilik ketiga rumah tersebut serta 185 butir peluru yang berada di bahagian dapur rumah tersebut iaitu untuk berurusan dengan barang-barang tersebut sebagai kepunyaan beliau dan bukan orang lain.

[19] SP16 tidak membuat siasatan yang menyeluruh di dalam kes ini. SP16 tidak membuat siasatan terhadap penama Lu Ah Keong dimana bil air di atas nama Lu Ah Keong dan satu tong yang dihantar melalui kurier di atas nama Lu Ah Keong dijumpai di rumah tersebut. SP16 juga tidak membuat siasatan terhadap pemilik motokar Audi yang diletakkan di dalam perkarangan rumah tersebut. Kegagalan SP16 untuk membuat siasatan terhadap penama Lu Ah Keong dan pemilik motokar Audi telah mewujudkan lompang di dalam kes pendakwaan. Adakah penama Lu Ah Keong dan pemilik motokar Audi mempunyai apa-apa kaitan dengan dadah yang dijumpai di dalam bilik ketiga dan peluru yang dijumpai di bahagian dapur rumah tersebut. Kemungkinan mereka mempunyai kaitan dengan dadah dan peluru tersebut tidak boleh diketepikan begitu sahaja. Tetapi tidak ada siasatan yang dibuat oleh SP16 untuk menidakkan kemungkinan ini. Begitu juga dengan sarung bantal, bantal dan cadar yang terdapat di dalam bilik ketiga. Tidak ada satu pun barang-barang tersebut telah diambil oleh SP10 untuk dibuat analisis DNA.

[20] Tidak ada keterangan untuk mahkamah membuat dapatan bahawa tertuduh telah melakukan mana-mana aktiviti pengedaran seperti takrif pengedaran dalam s 2 ADB ke atas dadah methamphetamine dan heroin yang berada dalam bilik ketiga tersebut atau tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan ke atas dadah-dadah tersebut serta pengetahuan akan kewujudannya untuk menyatakan bahawa dadah-dadah tersebut berada dalam pemilikan tertuduh bagi membolehkan anggapan pengedaran dibawah s 37(da) ADB diguna pakai. Begitu juga dengan nimetazepam dan 185 peluru, ianya tidak berada dalam pemilikan tertuduh. Tertuduh tidak mempunyai kawalan atau jagaan ke atas nimetazepam dan peluru tersebut serta pengetahuan akan kewujudannya. Dadah methamphetamine, heroin dan nimetazepam adalah dijumpai di dalam bilik ketiga manakala peluru dijumpai di bahagian dapur. Dadah-dadah dan peluru tersebut tidak dijumpai di dalam bilik pertama dimana tertuduh berada. Tertuduh juga tidak pernah memberitahu SP15 tentang dadah-dadah tersebut yang berada di dalam bilik ketiga serta peluru yang berada di bahagian dapur.

[21] Setelah membuat penilaian maksimum ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan, saya mendapati bahawa pendakwaan telah gagal untuk membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh bagi kesalahan yang dipertuduhkan sepertimana pertuduhan pertama, pertuduhan

kedua, pertuduhan ketiga (pindaan) dan pertuduhan keempat. Daripada keterangan yang ada di hadapan saya sekarang, adalah tidak selamat untuk memanggil tertuduh membela diri atas semua pertuduhan-pertuduhan tersebut dan saya tidak bersedia untuk mensabitkan tertuduh jika pembelaan dipanggil dan tertuduh memilih untuk berdiam diri.

[22] Tertuduh adalah dilepas dan dibebaskan daripada semua pertuduhan-pertuduhan tersebut tanpa dipanggil untuk membela diri.

Tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada semua pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar